

BATU PAHAT, 14 JULAI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI BAHAWA NEGARA INI TIDAK ADA TEMPAT UNTUK RAKYAT YANG LEMAH SEMANGAT DAN TIDAK BERDISIPLIN.

BERUCAP DI PERAYAAN JUBLI PERAK MAJLIS BELIA NEGERI JOHOR DI KAMPUNG KENANGAN DATUK ONN DI SINI. BELIAU BERKATA KEMERDEKAAN SESEBUAH NEGARA TIDAK DAPAT DIPERTAHANKAN JIKA RAKYAT TERUTAMANYA JENERASI MUDA TIDAK BERDISIPLIN.

NEGARA, KATANYA, HANYA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN TERUTAMA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DENGAN RAKYAT YANG PENUH DISIPLIN.

SEBALIKNYA, NEGARA AKAN HANCUR JIKA RAKYAT TERUTAMA KAUM BELIA TIDAK DITANAMKAN DENGAN SEMANGAT BERDISIPLIN.

BELIAU JUGA BERKATA, KEPIMPINAN NEGARA TIDAK DAPAT DIELAKKAN DAN AKAN MENGHADAPI PROSES PERALIHAN DARI SATU JENERASI KE SATU JENERASI DI MANA JENERASI AKAN DATANG AKAN MENGAMBIL TEMPAT JENERASI HARI INI.—BERSAMBUNG 1457/BY

££

B557

MAHATHIR-TEMPAT 2 BATU PAHAT

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA ADA SEGOLONGAN KECIL YANG BERPENDAPAT DISIPLIN MENJADIKAN SESEORANG SEBAGAI ROBOT.

PENDAPAT-PENDAPAT SEPERTI ITU DIBAWA KE TEMPAT-TEMPAT PENGAJIAN TINGGI SEPERTI DI UNIVERSITI DI MANA PENGIKUTNYA BERPENDAPAT BAHAWA MEREKA TIDAK HARUS BERDISIPLIN DAN MENENTANG TIAP-TIAP PERATURAN.

PENDAPAT-PENDAPAT DAN SIKAP SEPERTI ITU, KATANYA, DI BAWA KE NEGARA INI OLEH ORANG-ORANG DARI NEGARA ASING TERUTAMA DARI NEGARA YANG MAJU.

MEREKA YANG SUDAH MAJU ITU TIDAK SENANG MELIHAT NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA MENCAPAI KEJAYAAN SETANDING DENGAN MEREKA.

ORANG-ORANG ITU KATANYA, MEMANG TAHU BAHAWA MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM SEMUA BIDANG HANYA DENGAN BERDISIPLIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADA SETENGAH PEMIMPIN PERINGKAT RENDAH DI NEGARA KITA YANG TELAH TERPENGARUH DAN TERIKAT DENGAN

PEMIKIRAN-PEMIKIRAN SEPERTI ITU.—BERSAMBUNG 1500/BY
MAHATHIR-TEMPAT 3 BATU PAHAT

BELIAU MENYERU KAUM BELIA DAN SELURUH RAKYAT SUPAYA MENGAWASI PEMIKIRAN-PEMIKIRAN SEPERTI ITU DARI +MUSUH YANG CUBA MELEMAHKAN KITA+.

PARA BELIA MESTI MENYEDIAKAN DIRI MEREKA UNTUK MENJADI PEMIMPIN YANG SANGGUP MENGHADAPI APA SAHAJA RINTANGAN DAN BENCANA MENDATANG TERUTAMA DARI MUSUH NEGARA.

BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU TIDAK ADA JALAN LAIN YANG DAPAT DIAMBIL MELAINKAN MENGASUH PARA BELIA HARI INI DENGAN SATU SEMANGAT YANG TERPIMPIN DAN BERDISIPLIN SERTA TIDAK LEMAH SEMANGAT.

SEBELUM ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENYAKSIKAN SATU PERARAKAN BERWARNA WARNI DARI LEBIH 6,000 ORANG BELIA YANG TERDIRI DARI 51 PASUKAN BELIA-BELIA DARI SELURUH NEGERI.

TURUT MENGHADIRI PERAYAAN TIGA HARI ITU IALAH MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, DATUK ABDUL SAMAD IDEIS, MENTERI BESAR JOHOR, TAN SRI HAJI OTHMAN SAAT, RAJA MUDA JOHOR DAN ORANG-ORANG KENAMAAN.

—BERNAMA 1502/BY